

Dr M: Kekalkan kesejahteraan

'Sikap sederhana Kerajaan selaras dgn ajaran Islam'

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KULIM, Khamis — Kerajaan sederhana seperti yang wujud di negara ini perlu dikekalkan untuk kesejahteraan rakyat, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed.

"Sikap kesederhanaan yang diamalkan oleh Kerajaan adalah selaras dengan ajaran Islam," katanya.

Bellau bersyukur kerana sikap ini mendapat sokongan rakyat.

Tetapi, Datuk Seri Dr. Mahathir kenal kerana terdapat golongan ekstrim yang berusaha meruntuhkan Kerajaan demi kepentingan mereka.

Mereka ini, tegasnya, menggunakan agama sebagai alat mencapai tujuan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan demikian semasa ber-

ucap di perhimpunan ramai di padang Sekolah Menengah Badlishah di sini tengahari tadi.

Sebelum itu bellau melakukan upacara perletakan batu asas pembinaan Masjid Bandar Bharu di batu dari sini yang dijangka menelan belanja \$275,000.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengatakan, pembinaan masjid itu membuktikan Kerajaan sentiasa menunaikan tanggungjawabnya terhadap perkembangan agama di negara ini.

Bellau menolak dakwaan pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyatakan pembinaan masjid-masjid dan surau di negara ini hanya sebagai perhiasan sahaja.

Bagaimanapun, katanya, masjid dan surau tidak akan jadi perhiasan selagi masyarakat mempunyai kesedaran tentang pentingnya ajaran Islam.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut kebangkitan Islam sekarang telah melanda negara-negara seluruh dunia. Negara-negara Barat, umpamanya telah mula memberi perhatian kepada agama Islam.

Mereka kini mencari kebenaran setelah negara mereka dilanda berbagai macam pengaruh yang merosakkan nilai hidup mereka.

Arus perkembangan seperti ini juga, jelas bellau, mula memular ke negara ini. Kesedaran menganggap ini satu perkembangan yang baik.

Bagaimanapun, bellau membidas pihak yang menggunakan kesempatan ini untuk kepentingan mereka. Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut golongan ini memberi tafsiran tentang Islam mengikut kemahuan mereka untuk tujuan politik.

Katanya, sungguhpun golongan ini kecil, tetapi kegiatan seperti itu adalah merbahaya dan memberi kesan yang buruk.

Dalam hubungan ini, bellau membawa kisah tragedi di Masjidilharam di mana orang-orang bersejajanya melakukan pencemaran di tempat yang suci itu.

Niat buruk

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, dari kisah yang diceritakan oleh jemaah haji, kita mendapati bahawa pencemaran itu telah pun dirancang lebih awal lagi.

Mereka sebenarnya bukanlah ahli fanatik agama tetapi terdiri dari mereka yang mahu merebut kuasa politik demi kepentingan mereka.

"Syukurlah niat buruk mereka itu telah dapat dihapuskan dengan mudah," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menatik dakwaan parti DAP yang menyatakan Barisan Nasional tolong dan bantuan kepada orang-orang Melayu sahaja dalam menamatkan pembangunan.

Katanya, anggapan tersebut tidak benar sama sekali. Sebagai contoh, Perairan Muda yang menelan belanja \$60 juta tidak sahaja memberi bantuan kepada orang-orang Melayu tetapi juga kepada kaum lain.

Sebagai bukti, pembinaan projek tersebut kebanyakannya dikendalikan oleh kontraktor bukan Melayu. Ini bererti mereka juga turut menerima nikmat.